

PM minta Britain guna pengaruh

ULM 22 SEP 1993

KUALA LUMPUR 21 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berharap Britain dan Kesatuan Eropah (EC) dapat menggunakan pengaruh mereka untuk menghentikan keganasan yang sedang berlaku di Bosnia-Herzegovina sebelum situasi di negara itu meninggalkan titik hitam dalam sejarah tamadun Eropah.

Dengan mengambil kira sejarah tradisi British yang mendukung semangat serta kehormatan prinsip undang-undang, Dr. Mahathir berkata, Malaysia yakin Britain dapat menggunakan pengaruhnya dalam menghentikan krisis ini.

Berucap pada majlis makan malam sempena meraikan lawatan Perdana Menteri Britain, John Major ke sini di Sri Perdana, malam ini Dr. Mahathir menambah, Britain mestilah menilai semula pendiriannya dalam isu Bosnia sebelum situasi di sana menjadi sejarah hitam yang tidak dapat dibetulkan lagi.

Beliau berkata, ucapan yang manis-manis, deklarasi keamanan serta rayuan selama ini masih belum mencukupi sebaliknya hanya pendirian politik serta tindakan yang berwibawa dapat menyelesaikan masalah tersebut.

"Walaupun ada beberapa

ugutan dan tekanan telah dikenakan ke atas Serb pada masa ini, tetapi apabila Serb dengan angkuh tidak mengendahkan ugutan itu, menyebabkan negara-negara Eropah turut beralah," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebenarnya hanya tindakan yang berkesan dan segera sahaja akan dapat memperbaiki dan mengembalikan kewibawaan Eropah.

Katanya, Britain telah memberi isyarat yang salah kepada negara-negara tertentu di Timur Yugoslavia iaitu negara yang mempunyai sejarah keganasan dengan mencerooboh hak orang lain.

Katanya, walaupun Malaysia memahami keprihatinan Britain bahawa serangan udara yang lebih besar ke atas Bosnia boleh mengancam usaha bantuan kemanusiaan yang dijalankan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, namun adalah sesuatu yang menyedihkan dan pilu untuk melihat seluruh bangsa dihapuskan secara sistematik.

"Rakyat Malaysia sekali lagi tersentuh dengan tindakan tersebut dan kita tidak dapat menerima tindakan sedemikian sebagai betul dan demokratik untuk penduduk dan melihat satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan," katanya.

Beliau menambah, konflik

dan krisis selepas perang dingin mendedahkan bawaja kerjasama politik di kalangan negara-negara Eropah masih terbatas serta sesuatu yang memalukan bagi Barat yang selama ini berbangga sebagai satu bangsa yang membela demokrasi, keadilan dan hak asasi manusia.

Dr. Mahathir berkata, krisis Bosnia ini begitu kronik sehingga ia telah menyebabkan seorang kakitangan Jabatan Negara Amerika meletakkan jawatan kerana memprotes polisi Amerika yang pasif berhubung dengan isu Bosnia.

"Ia juga adalah cerita mengenai bagaimana seorang kanak-kanak berusia enam tahun dirogol berulang kali oleh tentera Serb di hadapan ibunya di mana ibu kanak-kanak itu tidak dibenarkan mendekati anaknya selama dua hari sehinggalah kanak-kanak itu meninggal dunia.

"Apa jenis manusiakah kita ini untuk menerima perbuatan sedemikian rupa tanpa mengangkat jari untuk menghalang perbuatan tersebut daripada terus berulang," tegasnya.

Mengenai hubungan dua hala dengan Britain, Dr. Mahathir berkata beliau gembira kerana hubungan dagangan antara kedua-dua buah negara telah mencatatkan pertambahan sebanyak 10 peratus pada tahun 1990 walaupun kemelesatan ekonomi dunia berterusan.

"Saya difahamkan esok, saudara akan melawat kilang kereta nasional Malaysia dan saya diberitahu kereta Proton popular di Britain dan pengenalan lebih banyak model baru kereta Proton akan membolehkan kereta tersebut memasuki pasaran yang lebih besar di Britain," katanya.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan mengeluarkan lebih banyak model baru kereta Proton pada masa akan datang serta berharap model-model tersebut dapat diterima di pasaran Britain.

Mengenai bidang pendidikan pula, Dr. Mahathir berkata, bidang tersebut sentiasa menjadi komponen penting dalam hubungan dua hala antara Malaysia dengan Britain di mana pada masa ini terdapat lebih 10,000 pelajar Malaysia menuntut di negara itu.

"Malaysia gembira kerana institusi pengajian tinggi di Britain mampu menempatkan bilangan pelajar Malaysia yang lebih besar," ujar beliau.

Perdana Menteri menambah, peningkatan kos pendidikan tinggi di Britain juga memerlukan inisiatif baru antaranya memperkenalkan program pendidikan berkembar dengan universiti dan institusi pengajian tinggi di Britain.